



Ruj. Tuan : SKBP/600-3/1/1 ()

Ruj. Kami : JPNJ.600-3/3/10 Jld. 3 (20)

Tarikh : 17 Disember 2025

Guru Besar

Sekolah Kebangsaan Bukit Paloh
Kampung Melayu Batu 4,
86600 Paloh, Kluang,
Johor Darul Ta'zim

Tuan,

MAKLUM BALAS KELULUSAN SOKONGAN PENGANJURAN DAN KEBENARAN PELIBATAN MURID BAGI KARNIVAL RAGBI KLUANG 2026

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Johor mengalu-alukan inisiatif **SK Bukit Paloh, Kluang** dalam membangunkan bakat murid melalui aktiviti sukan. JPN Johor mengambil maklum akan permohonan tuan dan **tiada halangan** untuk **SK Bukit Paloh, Kluang** menganjurkan serta menjemput murid bagi program tersebut, tertakluk kepada butiran dan ketetapan berikut:

- | | | | |
|-----|--------|---|-------------------------------------|
| 2.1 | Tarikh | : | 24 & 25 Januari 2026 |
| 2.2 | Masa | : | 7:45 pagi hingga 5:00 petang |
| 2.3 | Tempat | : | SK Bukit Paloh, Kluang |

3. Kelulusan ini diberikan dengan matlamat untuk menyokong potensi dan pembangunan holistik murid, namun ia adalah tertakluk kepada pematuhan penuh semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa termasuk di **Lampiran 1**, di samping mengambil kira perkara-perkara utama yang berikut:

- 3.1. **Kebenaran Pentadbir:** semua murid yang terlibat diwajibkan untuk mendapatkan kebenaran serta persetujuan daripada Guru Besar sekolah masing-masing sebelum menyertai program ini bagi memastikan penyelarasan aktiviti sekolah;
- 3.2. **Penyertaan Sukarela dan Kebenaran Ibu Bapa:** penyertaan murid tidak boleh mengganggu atau menjejaskan waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), peperiksaan, aktiviti kokurikulum, dan sebarang aktiviti rasmi sekolah;

MAKLUM BALAS KELULUSAN SOKONGAN PENGANJURAN DAN KEBENARAN PELIBATAN MURID BAGI KARNIVAL RAGBI KLUANG 2026

- 3.3. **Tidak Menjejaskan Akademik/Aktiviti Sekolah:** penyertaan murid tidak boleh mengganggu atau menjejaskan waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), peperiksaan, aktiviti kokurikulum, dan sebarang aktiviti rasmi sekolah;
- 3.4. **Tanggungjawab Penganjur (Insurans dan Kos):** pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan perlindungan insurans kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti. Pihak penganjur juga wajib memastikan aspek kesihatan, keselamatan, dan kebajikan semua murid sentiasa terpelihara, serta menanggung sepenuhnya semua kos penganjuran program, termasuk kos perubatan, kos pengangkutan, makan dan minum;
- 3.5. **Tiada Implikasi Kewangan KPM/JPN:** tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di Negeri Johor, sekolah, guru dan murid yang terlibat, selaras dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5 Tahun 2018 bertarikh 7 Jun 2018;
- 3.6. **Kelulusan Pihak Berkaitan dan Larangan Penggunaan Surat:** pihak penganjur bertanggungjawab untuk mendapatkan semua kelulusan lain penganjuran program daripada pihak berkaitan. Surat maklum balas ini tidak boleh digunakan untuk tujuan mendapatkan sumbangan atau tajaan daripada mana-mana pihak;
- 3.7. **Pematuhan Cuaca Panas/Jerebu:** pihak penganjur mesti mematuhi sepenuhnya semua ketetapan yang terkandung dalam Peringatan kepada Warga Sekolah Berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Berjerebu (No. Rujukan: KPM.200-5/2/1 Jld.5(63) bertarikh 21 Julai 2025 dan JPNJ.200-5/2/1 Jld.3(26) bertarikh 22 Julai 2025);
- 3.8. **Larangan Aktiviti Sukan Semasa Cuaca Buruk:** tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 9 Tahun 2000, aktiviti sukan adalah dilarang dilaksanakan semasa cuaca buruk, hujan, atau apabila terdapat kilat, petir, atau ribut petir di tempat lapang dan padang;
- 3.9. **Pematuhan Kod Sukan Selamat:** pelibatan murid dan guru dalam pertandingan atau aktiviti sukan hendaklah merujuk dan mematuhi sepenuhnya pelaksanaan Kod Sukan Selamat yang ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan;

MAKLUM BALAS KELULUSAN SOKONGAN PENGANJURAN DAN KEBENARAN PELIBATAN MURID BAGI KARNIVAL RAGBI KLUANG 2026

- 3.10. **Larangan Sumber Sumbangan:** pihak penganjur diminta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3 Tahun 2018, yang melarang sumbangan bagi penganjuran program daripada sumber perjudian, rokok, dadah, minuman keras atau seumpamanya yang berpotensi menjejaskan perkembangan murid (intelektual, rohani, emosi dan jasmani);
- 3.11. **Penggunaan Logo Rasmi:** penggunaan logo JPN Johor atau Majlis Sukan Sekolah Johor (MSSJ) tanpa kelulusan adalah dilarang. Permohonan penggunaan logo perlu dikemukakan sekurang-kurangnya 30 hari sebelum program, berserta dokumen lengkap, kepada Sektor Pengurusan Sekolah, JPN Johor;
- 3.12. **Pelaporan Kecemerlangan Kokurikulum:** pihak penganjur diminta memaklumkan kepada sekolah-sekolah yang menyertai program ini untuk membuat pengisian ke dalam Buku Log Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM (Pelaporan Kecemerlangan Kokurikulum) melalui pautan <https://bit.ly/PelaporanBSKK>;
- 3.13. **Pengiktirafan PAJSK:** bagi tujuan pengiktirafan program (PAJSK), pihak penganjur perlu mengemukakan satu salinan laporan program (Lampiran A) yang dijalankan kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Johor tidak lebih 30 hari selepas tamat program (rujuk Lampiran C). Kegagalan membuat permohonan pengiktirafan bagi program ini akan memberi kesan kepada permohonan pada masa akan datang;
- 3.14. **Surat Setuju Terima:** pihak penganjur dimohon mengemukakan Surat Setuju Terima (Lampiran B) kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor, dalam tempoh 14 hari selepas tarikh penerimaan surat maklum balas ini, bagi mengesahkan persetujuan pelaksanaan program; dan
- 3.15. **Hak JPN Menarik Balik Kelulusan:** JPN Johor berhak menarik balik surat maklum balas ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau jika tindakan pihak penganjur bercanggah dengan dasar sedia ada. Kegagalan mematuhi syarat ini akan menjejaskan pertimbangan permohonan penganjuran pada masa hadapan.

**MAKLUM BALAS KELULUSAN SOKONGAN PENGANJURAN DAN KEBENARAN
PELIBATAN MURID BAGI KARNIVAL RAGBI KLUANG 2026**

4. Maklum balas ini adalah khusus untuk **Karnival Ragbi Kluang 2026 anjuran SK Bukit Paloh, Kluang** bagi tujuan kelulusan penganjuran dan kebenaran menjemput murid untuk program tersebut sahaja. Sebarang permohonan bagi program baharu atau perubahan tarikh dan lokasi program hendaklah dikemukakan kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Johor.

5. JPN Johor menzahirkan penghargaan atas kesungguhan **SK Bukit Paloh, Kluang** dalam menggalakkan budaya sukan yang positif di kalangan murid-murid. Kerjasama tuan/puan dalam memastikan semua garis panduan ini dipatuhi adalah amat dihargai demi kebajikan dan keselamatan setiap peserta.


6. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada **Encik Mohd Hanafi bin Ali**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor, di talian **07-2311481**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD KAMAL BIN AHMAD UNTONG)

Timbalan Pengarah
Sektor Pembangunan Murid

b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

- s.k. :
1. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
 2. Timbalan Pengarah, Sektor Pengurusan Sekolah, JPN Johor
 3. Pegawai Pendidikan Daerah, PPD Negeri Johor

PAUTAN LAMPIRAN A – F : SURAT KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM

Pautan: <https://bit.ly/LampiranKelulusanProgram>



Adalah menjadi tanggungjawab penganjur untuk memastikan semua ketetapan yang dinyatakan dalam surat maklum balas dan lampiran-lampiran seperti dalam pautan ini dipatuhi sepenuhnya.

SYARAT-SYARAT PENGIKTIRAFAN PROGRAM PERINGKAT NEGERI (BERSEMUKA DAN DALAM TALIAN)

RINGKASAN PENGIKTIRAFAN BAGI PROGRAM SECARA BERSEMUKA DAN DALAM TALIAN

Penyertaan Bersemuka (Kekal)		Penyertaan Secara Dalam Talian	
Peringkat	Jumlah Penyertaan (sekurang-kurangnya)	Peringkat	Jumlah Penyertaan (sekurang-kurangnya)
Antarabangsa	3 Negara	Antarabangsa	5 Negara
Kebangsaan	3 Negeri	Kebangsaan	5 Negeri
Negeri	4 Daerah	Negeri	5 Daerah
Daerah	5 Sekolah	Daerah	6 Sekolah

TAFSIRAN PELIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
Pelibatan I	i. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan. ii. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
Pelibatan II	i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan. ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan. iii. Peserta lawatan luar negara
Pelibatan III	i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung. ii. Pelibatan murid sebagai penyokong atau penonton

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM PERINGKAT NEGERI

BIL	DOKUMEN
1	Surat Permohonan Pengiktirafan
2	Laporan Program (Lampiran A – rujuk https://bit.ly/LampiranKelulusanProgram)
3	Salinan Surat Kelulusan
4	Salinan Surat Setuju Terima

Permohonan pengiktirafan peringkat negeri dibuat selepas program perlu sampai ke Unit Pembangunan Bakat Murid, JPNJ tidak lebih 30 hari selepas tamat program.

Permohonan dihantar ke:

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim
(u.p: Unit Pembangunan Bakat Murid)

Alamat e-mel: jpn.johor@moe.gov.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Sekolah Kebangsaan Bukit Paloh,
Kampung Melayu Batu 4,
86600 Paloh, Kluang



013-7684095



JBA2012@moe.edu.my

Ruj kami: SKBP/600-3/1/1 ()

Tarikh : **31** Oktober 2025

Kepada;
Pengarah,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
Wisma Pendidikan, Jalan Tun Abdul Razak,
80604 Johor Bahru,
Johor
U/P : Unit Pembangunan Bakat Murid

Yang Berbahagia Dato'/Datin, Tuan/Puan,

MEMOHON SOKONGAN MENJALANKAN KARNIVAL RAGBI KLUANG 2026

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Suka cita dimaklumkan bahawa, Kelab Ragbi Sekolah Kebangsaan Bukit Paloh dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru akan menganjurkan Karnival Ragbi Kluang 7'S tahun 2026. Maklumat kejohanan adalah seperti yang berikut:

TARIKH	: 24 & 25 JANUARI 2026
HARI	: SABTU & AHAD
MASA	: 7.45 PAGI – 5.00 PETANG
KATEGORI	: LELAKI BAWAH 12 (RIMAU), PEREMPUAN BAWAH 12 (FIT TOUCH), LELAKI BAWAH 11 (RIMAU) DAN LELAKI BAWAH 10 TAHUN (RIMAU).
TEMPAT	: PADANG SK BUKIT PALOH, KLUANG, JOHOR
PERINGKAT	: NEGERI
PERASMI	: YB LEE TING HAN


(Adun Paloh @ Exco Kerajaan Negeri Johor)

3. Pihak SK Bukit Paloh memerlukan kelulusan dan sokongan daripada pihak tuan untuk melancarkan kejohanan ini.

4. Dilampirkan bersama adalah kertas kerja kejohanan bagi rujukan pihak tuan. Sebarang maklum balas dan pertanyaan serta makluman lanjut bolehlah menghubungi pengarah kejohanan, En. Asyahari bin Omar di talian 016-2251513. Sokongan dan kerjasama pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan kami dahului dengan ucapan terima kasih
Sekian, Terima kasih.

" MALAYSIA MADANI "
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


.....
SA'EDAH BINTI HJ.ROOWAH
GURU BESAR
SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT PALOH